

12/07/2000

Pertubuhan mesti hantar laporan tahunan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Pendaftar Pertubuhan memastikan semua pertubuhan di negara menghantar laporan tahunan masing-masing bagi memantau kegiatan yang dilakukan oleh mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemantauan itu penting bagi memastikan tidak ada pertubuhan yang terbabit dalam kegiatan penyebaran ajaran sesat seperti yang berlaku dalam kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Ma'unah Malaysia (al-Ma'unah).

"Perkara ini kita tidak tahu. Apabila sudah berlaku baru tahu. Semua persatuan pada awalnya wujud kerana hendak buat baik. Mungkin yang berlaku kemudian membawa kepada perkara yang tidak baik, terutama apabila pemimpin atau guru yang ada idea yang tersembunyi pada awalnya. Kita tidak tahu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendedahkan sekumpulan lelaki yang menganggotai kumpulan al-Ma'unah dan melarikan senjata api dari kem tentera di Grik baru-baru ini, berhasrat menumbangkan kerajaan dengan cara mereka sendiri apabila menuntut beliau dan anggota Kabinet meletakkan jawatan.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri mengakui ada banyak persatuan yang tidak mengemukakan laporan tahunan mereka kepada Pendaftar Pertubuhan seperti yang ditetapkan.

Sehubungan itu, katanya, KDN akan memberi amaran, termasuk surat tunjuk sebab mengapa pendaftaran pertubuhan mereka tidak boleh dibatalkan, kepada pertubuhan yang tidak berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, KDN hanya boleh mengambil tindakan terhadap sesuatu pertubuhan hanya sesudah mengetahui jenis kesalahan yang dilakukan sama ada dalam bentuk jenayah, ajaran sesat atau kesalahan lain.

"Kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk dikuatkuasakan apabila berlaku sesuatu kesalahan. Yang penting ialah memastikan perkara yang dikatakan berlaku itu benar-benar berlaku," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan perlu mengkaji semula sama ada peraturan yang ada mencukupi atau tidak untuk mengawal kegiatan penyebaran ajaran sesat di negara ini.

Katanya, undang-undang yang ada setakat ini memang tidak membenarkan penyebaran ajaran sesat oleh mana-mana pihak.

"Ini satu cadangan yang baik. Kita akan kaji semula adakah peraturan yang ada mencukupi atau tidak dari segi tindakan atau prosedur yang diambil. Kita mungkin semak semula," katanya ketika ditanya kemungkinan kerajaan perlu menguatkuasakan peraturan yang lebih tegas bagi mengawal kegiatan itu.

Ketika ini individu yang disyaki terbabit menyebarkan ajaran sesat didakwa di Mahkamah Syariah, serta dikenakan denda atau hukuman penjara.

Terdahulu, Abdullah menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 56 kakitangan KDN.

(END)